

**PERBANDINGAN DASAR WARISAN MALAYSIA DAN JEPUN  
DALAM USAHA MEMULIHARA KHAZANAH NEGARA: KAJIAN  
KES DI WARISAN DUNIA MELAKA DAN LOMBONG PERAK IWAMI  
GINZAN**

*Comparison of Heritage Policies in Malaysia and Japan: A Study of Efforts to Conserve the National Treasures at World Heritage, Malacca and Iwami Silver Mine*

Naoko Sugiura & Mohd Bin Samsudin

**ABSTRAK**

Warisan ialah satu bentuk peninggalan yang mempunyai identiti yang tersendiri mengikut budaya negara tertentu. Setiap negara mempunyai daya usaha dalam memelihara dan memulihara warisan yang terdapat di negara tersebut. Dalam konteks Malaysia, kesedaran dalam memelihara dan memulihara warisan adalah tidak selama usia warisannya, gerakan untuk usaha tersebut adalah bermula sejak tahun 1957 sekitar 62 tahun yang lalu. Manakala Jepun pula, usaha ke arah menjaga warisan telah bermula pada tahun 1871. Jepun telah mempunyai kesedaran tersebut lebih awal berbanding Malaysia. Oleh yang demikian, apakah wujud perbezaan kepentingan dalam memelihara warisan bagi setiap negara mengikut kepentingannya. Objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti perbandingan usaha antara kerajaan Jepun dan Malaysia dalam memelihara dan memulihara warisan yang terdapat di kedua-dua negara tersebut selain mengenal pasti usaha-usaha pembentukan Dasar Warisan Negara di Malaysia dan Jepun secara terperinci. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam proses pengumpulan data berdasarkan topik kajian. Pengumpulan data oleh penyelidik dilakukan dalam pelbagai keadaan, sumber dan kaedah. Data dikumpulkan menerusi kajian kepustakaan dengan meneliti beberapa sumber dokumen dan bahan yang terdapat di beberapa organisasi dan institusi yang mengumpul, menyimpan dan merekodkan sumber maklumat yang berkaitan. Makalah ini akan melihat aspek perundangan yang telah diperuntukkan dan mengenal pasti sejauh manakah ianya dipraktikkan menerusi kajian tinjauan dan kepustakaan rekod-rekod arkib. Selain itu juga, makalah akan menyusuri perkembangan yang berlaku dalam proses pemuliharaan warisan berdasarkan laporan-laporan dan tinjauan sarjana terdahulu. Penelitian mendapati bahawa Kerajaan Malaysia giat dengan aktif dalam usaha untuk meningkatkan sektor pelancongan melalui warisan kebudayaan. Selain itu, Kerajaan Jepun dengan kerjasama pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat Jepun juga meningkatkan usahanya mereka dari masa ke semasa mengikut arus kemajuan untuk pemuliharaan warisan Jepun.

**Kata kunci:** Dasar Warisan, Warisan Malaysia, Warisan Jepun, Pemuliharaan dan Pemeliharaan

**ABSTRACT**

Heritage is a form of inheritance that has its own identity, according to a particular culture. Every country has its efforts in preserving and conserving heritage in the country. In the context of Malaysia, awareness in preserving and conserving legacies is not during their legacy, the movement for such efforts has begun since the year 1957, around 62 years ago. In

Japan, the efforts towards keeping the heritage were started in 1871. Japan has had such awareness earlier than Malaysia. Therefore, there is a difference in the importance of conserving the heritage of each country according to its interests. The main objective of this study is to investigate comparability of efforts between the Government of Malaysia and Japan for preserving and conserving heritage between both countries and the efforts of Malaysia and Japan to forming National Heritage Policy in detail. Qualitative is a research approach used in this research. Data collection through research done in various circumstances, resources and methods. Data has been collected through the study collection with a review of various resource documents and materials available in some organizations and institutions to collect, store and record the relevant information sources. The data were also collected through library research by examining several sources of documents and materials available at organizations and institutions that collect, store and record relevant information sources. This study will look at aspects of the legislation that has been allocated and identify the extent to which it is practiced through surveys and archival records. In addition, the study will follow the developments that occur in the heritage conservation process based on previous reports and earlier studies. The study found that the efforts undertaken by Malaysia were active and detailed, including Japan which also increased its efforts from time to time according to the current progress. At the same time, the study found that the Government of Malaysia actively engaged in efforts to enhance cultural heritage through tourism sector. Additionally, the Government of Japan in collaboration with the Non-Governmental Organization (NGO) and the Japanese community also increased their efforts from time to time in line with the progress of the Japanese heritage conservation.

**Keywords:** Heritage Policy, Malaysian Heritage, Japanese Heritage, Conservation, Preservation

## **PENGENALAN**

Usaha pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap warisan antara Malaysia dan Jepun adalah amat berbeza sekali. Malaysia mempunyai imej yang baik dalam menjaga nilai budayanya sehingga menjadi sesuatu wakil bangsa kepada tarikan pelancongan, manakala bagi Jepun pula adalah sebaliknya. Namun, sistem dan tatacara yang diamalkan oleh Jepun adalah lebih baik berbanding usaha yang dijalankan di Malaysia.

Penyelidikan Dasar Warisan (Kebudayaan) adalah penyelidikan baru dan bermula di Jepun pada tahun 2000. Dasar ini ialah dasar untuk kajian dasar yang dijalankan adalah budaya hidup, hiburan umum, harta purba, hak cipta, bahasa kebangsaan dan kebebasan agama. Seterusnya, ianya diikuti oleh beberapa langkah-langkah sokongan. Contohnya, Perancangan Bandar, Langkah-langkah budaya, Perindustrian, dasar maklumat berhubung dengan seni budaya, langkah pemuliharaan alam sekitar dan kebajikan sosial. Warisan Malaysia dan Jepun berbeza contohnya negara seperti bangsa. Malaysia mempunyai amat banyak bangsa tetapi Jepun hanya mempunyai satu bangsa sahaja kecuali orang asli. Contohnya, orang Ainu di utama pulau Hokkaido.

Justeru, penulisan ini akan menghuraikan perbandingan antara dasar kebudayaan Malaysia mengenai Melaka dan dasar kebudayaan Jepun mengenai Lombong Iwami Ginzan seterusnya menjelaskan perkembangan dasar kebudayaan antara satu sama lain serta perbandingannya antara kedua-duanya negara tersebut.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kualitatif merupakan pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini. Pengumpulan data oleh penyelidik dilakukan dalam pelbagai keadaan, sumber dan kaedah. Data turut dikumpulkan menerusi kajian kepustakaan dengan meneliti beberapa sumber dokumen dan bahan yang terdapat di beberapa organisasi dan institusi yang mengumpul, menyimpan dan merekodkan sumber maklumat berkaitan kajian. Maklumat dikumpulkan berdasarkan rekod penulisan sedia ada yang terdapat di dalam simpanan arkib dan perpustakaan. Sumber data sekunder seperti buku dari perpustakaan Tun Seri Lanang dan Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Wilayah Aichi Jepun dan muzium-muzium Wilayah Shimane, jurnal penyelidikan dari jurnal e-Bangi dan Universiti Malaya, tinjauan Internet dan dokumen awam merupakan sumber data yang diperlukan di dalam penulisan kajian. Malah, hasil-hasil penyelidikan dan karya tulisan lepas yang berkaitan dengan subjek kajian diteliti Melaka dan Lombong Perak Iwami Ginzan untuk mendapatkan maklumat dan data yang pelbagai. Kajian juga terhasil melalui penyelidikan terhadap bahan-bahan warisan yang terpilih selain meneliti proses pemeliharaan terhadap bahan tersebut. Kajian juga meneliti rekod Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara Jepun bagi mengenal pasti asal-usul bahan warisan dan pengumpulan bahan-bahan warisan, penjagaan serta perkembangannya. Pengumpulan maklumat dan rekod penulisan terdapat di pelbagai institusi dan organisasi seperti Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium Negara Kuala Lumpur, Jabatan Warisan Negara (Kuala Lumpur), Jabatan Warisan Negara Zon Selatan (Melaka), Perpustakaan Wilayah Aichi Jepun, Arkib Negara Jepun, muzium-muzium Wilayah Shimane dan lain-lain sumber yang mempunyai kepentingan dalam penulisan ini.

## **SOROTAN KARYA**

Bahagian ini membincangkan dua skop utama iaitu Akta Warisan di Malaysia dan Jepun serta usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan dunia di kedua-dua negara tersebut. Selain itu, makalah turut membincangkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan dunia terutamanya Warisan Dunia Melaka di Malaysia serta Warisan Dunia Lombong Perak Iwami Ginzan di Jepun.

## **SKOP AKTA WARISAN DI MALAYSIA DAN JEPUN**

### **1. Akta-Akta berkaitan dengan Warisan di Malaysia**

Menurut Akta Harta Purba 1976 Akta 168, warisan bermaksud apa jua warisan atau sesuatu tinggalan turun temurun sama ada ianya dalam bentuk buatan atau semula jadi boleh alih atau tidak alih serta warisan yang tampak atau tidak tampak. Warisan yang dimaksudkan ialah apa jua hasil perbuatan terdahulu yang menjadi amalan dan kegunaan masyarakat kini serta menjadi sebahagian panduan kehidupan untuk meneruskan kehidupan mereka. Akta ini menjelaskan bahawa sesuatu yang diambil kira sebagai warisan sesebuah negara adalah suatu yang diwarisi secara turun temurun daripada generasi terdahulu untuk disampaikan kepada generasi baru atau generasi akan datang. Menurut Akta Harta Purba 1976 pula, warisan merujuk kepada sesuatu bentuk objek buatan manusia dan alam semula jadi yang menjadi warisan negara. Misalnya, bentuk objek buatan seperti masjid, bangunan lama, monumen, makam, bandar dan sebagainya. Manakala warisan semula jadi pula merujuk kepada apa jua bentuk yang berkaitan flora, fauna, laut, pulau, gunung dan sebagainya. Warisan-warisan

tersebut tergolong sebagai warisan tampak dan tidak tampak.<sup>1</sup> Seterusnya, takrifan atau definisi tentang warisan juga dapat dilihat menerusi Akta Warisan Kebangsaan 2005. Menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 Akta 645, warisan bermaksud sesuatu yang menjadi warisan kebangsaan yang meliputi tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan bawah air atau mana-mana orang hidup yang diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Maksud ini juga terkandung di dalam Artikel 67, Akta Warisan Kebangsaan 2005. Takrifan warisan yang tertulis di bawah Akta Kebangsaan Malaysia 2005, adalah lengkap dan jelas kerana meliputi semua aspek penting sebagai warisan kebangsaan.<sup>2</sup> Secara keseluruhannya, konsep warisan adalah meliputi tapak warisan, objek warisan, warisan semula jadi, warisan orang hidup dan sebagainya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Akta Warisan Kebangsaan 2005 merupakan akta yang diwartakan untuk menyelia dan mengawal warisan kebangsaan.<sup>3</sup>

## 2. Akta-Akta berkaitan dengan Warisan di Jepun

Dasar pemuliharaan warisan kebudayaan di Jepun bermula pada zaman Pemulihan Meiji iaitu sekitar tahun 1868-1889.<sup>4</sup> Dasar tersebut adalah kesan daripada proses pemodenan Maharaja Meiji apabila nilai Shogun dan Samurai mulai dimansuhkan. Justeru itu, Dajo-kan<sup>5</sup> telah memperkenalkan Akta Pemeliharaan Antiquiti dan dasar perkara lama *Koki-kyubutsu-hozon-kata*, 古器旧物保存方 pada tahun 1871 untuk melindungi Warisan kebudayaan ketara kerana Dajo-kan bimbang sekiranya nilai budaya Jepun musnah. Pada tahun 1897, Akta Pemuliharaan Kuil dan Candi Purba *Koshaji-hozon-hou*, 古社寺保存法 telah digubal untuk memelihara bangunan kuil Shinto dan kuil Buddha selain objek barangan lama. Manakala pada tahun 1919, Akta Pemuliharaan Monumen Semula jadi dan Tarikan Tapak Bersejarah *Shiseki-meisho-tennenkinenbutsu-hozon-hou*, 史跡名勝天然記念物保存法 telah digubal. Pada tahun 1929, Akta Pemuliharaan Harta Negara *Kokuhou-hozon-hou*, 国宝保存法 telah digubal bagi memperkukuhkan pemuliharaan kepada objek barangan lama yang mempunyai nilai sejarah. Seterusnya usaha pemuliharaan kepada warisan kebudayaan di Wilayah Nara telah dilakukan tanpa melibatkan objek atau barangan milik kerajaan tempatan dan negara, tetapi akta tersebut diperluaskan dengan hanya memfokuskan kepada objek atau barangan antik milik persendirian sahaja.<sup>6</sup>

Seterusnya, kes kehilangan mural kuil *Horyu-ji*, 法隆寺 dan *Kinkaku-ji*, 金閣寺 di bangunan

---

<sup>1</sup> Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, Ab Samad Kechot. (2011). Jurnal Melayu (8) 2011:173-188 Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu, Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia hlm.174-178

<sup>2</sup> Abdul Aziz Hussin. (2011). Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia hlm 34-38

<sup>3</sup> Laman Web Anon, Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005, [http://www.kpkk.gov.my/akta\\_kpkk/akta%20warisan%20kebangsaan%202005.pdf](http://www.kpkk.gov.my/akta_kpkk/akta%20warisan%20kebangsaan%202005.pdf) [31 Mac 2019]

<sup>4</sup>Zaman Pemulihan Meiji 明治維新 turut dikenali juga dengan sebutan Meiji Ishin, Revolusi Meiji, atau Pembaruan Meiji, adalah serangkaian kejadian yang berpuncak pada pengembalian kekuasaan di Jepun kepada Kaisar pada tahun 1868. Restorasi ini menyebabkan perubahan besar-besaran pada struktur politik dan sosial Jepun dan berlanjut hingga zaman Edo sering juga disebut Akhir Keshogunan Tokugawa dan awal zaman Meiji dalam buku "The Meiji Restoration" oleh W. Beasley 1972 Stanford University Press hlm 6

<sup>5</sup>Dajō-kan 太政官 adalah badan tertinggi pemerintahan, Jepun yang dibentuk setelah Restorasi Meiji, yang kemudian digantikan oleh Kabinet.buku Kojien ke6, 2008

<sup>6</sup>Tsuneaki Kawamura 川村 恒明, Akira Neki 根木 昭 Katsuhiko Wada 和田 勝彦. (2002) Bunkazaiseisaku Gairon, Kanagawa Jepun, *Toukai-daigaku shuppan* 東海大学出版 hlm21-23

kuil Buddha yang berlaku telah menyebabkan adanya usaha untuk memperkukuhkan lagi pemuliharaan kepada harta dan budaya. Pada tahun 1950, Akta Pemuliharaan Harta Kebudayaan *Bunkazai-hogo-hou*, 文化財保護法 telah digubal untuk memperluaskan lagi bidang kuasa pemuliharaan terhadap harta warisan supaya undang-undang yang dibentuk berjalan dengan lebih komprehensif terhadap pemuliharaan harta kebudayaan. Kemudiannya, undang-undang ini diperluaskan lagi kepada harta kebudayaan lain di seluruh Jepun dengan menyaksikan warisan kebudayaan tidak ketara, warisan kebudayaan tertanam dan cerita-cerita rakyat telah dipelihara dan dilindungi secara kelompok oleh Kerajaan Pusat. Perkembangan ini juga telah mencetuskan penubuhan institut penyelidikan terhadap harta benda kebudayaan pada tahun 1952 selain penubuhan Makmal Warisan Kebangsaan Negara, Tokyo *Tokyo-kokuritsu-bunkazai-kenkyujo*, 東京国立文化財研究所<sup>7</sup> dan Makmal Warisan Kebangsaan Negara Nara *Nara-kokuritsu-bunkazai-kenkyu-jo*, 奈良文化財研究所<sup>8</sup> pada tahun 1954. Malah, pada tahun yang sama juga, satu pindaan terhadap sistem sebutan warisan kebudayaan yang tidak ketara *Mukeibunkazai*, 無形文化財 telah digubal. Manakala bagi sistem Kumpulan Bangunan Bersejarah dan Pemuliharaan *Dentoteki-kenzobutsugun-hozochiku*, 伝統的建造物群保存地区 telah dipinda buat kali kedua pada tahun 1975. Pindaan tersebut juga telah memasukkan sistem Pendaftaran warisan kebudayaan *Toroku-bunkazai*, 登録文化財 pada pindaan kali ketiga pada tahun 1996. Seterusnya, pada tahun 2004, peruntukan perundangan terhadap landskap telah dibentuk selain adanya penjelasan tentang konsep landskap budaya yang turut dimuatkan dalam klausa undang-undang. Justeru itu, kini pelbagai bentuk budaya warisan di Jepun telah berjaya didaftarkan dan jumlah tersebut telah meningkat sekitar 8331<sup>9</sup> bentuk budaya warisan. Manakala Landskap Budaya Warisan Jepun yang telah berjaya didaftarkan dan disenaraikan adalah sekitar 38 buah bentuk landskap di sekitar negara Jepun.

Tuntasnya, pemuliharaan warisan kebudayaan di Jepun pada awalnya hanya menasarkannya kepada bahan atau objek warisan sahaja, namun kini sasaran tersebut merangkumi pelbagai bentuk warisan kebudayaan yang lainnya. Seterusnya, Agensi Hal Ehwal Kebudayaan *Bunka-cho*, 文化庁<sup>10</sup> juga telah menjelaskan tentang peranan mereka, “Tentang penggunaan harta kebudayaan yang penting pada 25 Disember 1996.” Sebelum ini, Pentadbiran Hartanah Kebudayaan dan kerja-kerja memulihara hanya memfokuskan budaya warisan saja. Namun selepas pada tarikh tersebut, pentadbiran warisan kebudayaan telah mula memfokuskan kepada kegiatan pengumpulan warisan kebudayaan, sekali gus menjalankan kerja-kerja memulihara warisan seperti pengubahsuaian yang melibatkan harta kebudayaan, bangunan dan gudang serta pembangunan melalui gabungan nilai seni bina moden.<sup>11</sup>

---

<sup>7</sup>Laman Web Makmal Warisan Kebangsaan Negara Tokyo [http://www.tobunken.go.jp/index\\_e.html](http://www.tobunken.go.jp/index_e.html) [31 Mac 2019]

<sup>8</sup>Laman Web Makmal Warisan Kebangsaan Negara Nara <http://www.nabunken.go.jp/english/index.html> [31 Mac 2019]

<sup>9</sup> Laman Web Rasmi Agensi Hal Ehwal Kebudayaan Bunka-cho, 文化庁 Pangkalan Data Harta Kebudayaan yang Ditetapkan Negar, 国指定文化財等データベース [https://kunishitei.bunka.go.jp/bsys/index\\_pc.html](https://kunishitei.bunka.go.jp/bsys/index_pc.html) [9 November 2015]

<sup>10</sup>Laman Web Agensi Hal Ehwal Kebudayaan [http://www.bunka.go.jp/tokei\\_hakusho\\_shuppan/shuppanbutsu/bunkazai\\_pamphlet/pamphlet\\_en.html](http://www.bunka.go.jp/tokei_hakusho_shuppan/shuppanbutsu/bunkazai_pamphlet/pamphlet_en.html)[31 Mac 2019]

<sup>11</sup> Kunihiro Noda 野田 邦弘. 2014. Pembangunan dasar kebudayaan “Bunka-seisaku no Tenkai, 文化政策の展開 アーツマネジメントと創造都市”, Kyoto Jepun, hlm.14-15.



## **USAHA PEMULIHARAAN UNTUK WARISAN DUNIA DI MALAYSIA DAN JEPUN**

### **1. Pemuliharaan Warisan Dunia Malaysia (Melaka)**

Malaysia sekurang-kurangnya telah diiktiraf memiliki lima buah warisan di bawah warisan dunia UNESCO. Tiga daripadanya adalah Warisan Kebudayaan, manakala selebihnya ialah Warisan Alam Semula jadi. Justeru itu, makalah ini memilih sebuah warisan dunia di Malaysia sebagai perbincangan iaitu Melaka Bandaraya Sejarah. Melaka telah didaftarkan pada tahun 2008 sebagai sebuah Warisan Dunia Kebangsaan. Melaka juga mempunyai nilai sejarah yang tinggi sebagai salah satu pusat perdagangan utama dunia. Sejarah juga merekodkan bahawa Melaka pernah menjadi sebuah bandar utama perdagangan bagi kawasan Asia Tenggara. Justeru itu, kemasyhuran Melaka sebagai pusat perdagangan telah menjadi rebutan setiap kuasa asing untuk menguasai Melaka. Penjajahan dan penempatan kuasa asing seperti Eropah di Melaka telah memberikan kesan kepada sejarah kebudayaan di Melaka kerana adanya pengaruh kebudayaan daripada Portugal, Belanda, dan British. Justeru itu, pembangunan bandar Melaka secara tidak langsung terkesan ekoran daripada penjajahan kuasa kolonial tersebut.<sup>12</sup>

Melaka merupakan negeri yang merangkumi kawasan seluas 1657 kilo meter persegi di bahagian barat Semenanjung Malaysia. Kedudukan geografi Melaka juga terletak di antara laluan selat antara bahagian Timur Asia dan Barat Asia pada titik laluan perdagangan laut yang paling sibuk dan sempit Selat Melaka. Melaka menerima pelbagai pengaruh kebudayaan dan sejarah bermula daripada Kesultanan Melayu Melaka (1400-1511), penjajah Portugis (1511-1641), penjajah Belanda (1641-1795), penjajah Inggeris (1795-1942, 1945-1957) dan pendudukan Jepun (1942-1945). Seterusnya, apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, pengisytiharan kemerdekaan tersebut telah diisytiharkan di Melaka sebagai simbolik kepada sejarah panjang yang dilalui oleh Tanah Melayu untuk bebas merdeka. Manakala, pada tahun 1989, Melaka telah diisytiharkan sebagai Bandaraya Sejarah Malaysia. Hari ini, Melaka merupakan sebuah negeri moden yang menawarkan perkembangan sejarah lampauya sebagai salah satu aset pelancongan.<sup>13</sup>

Laman warisan dunia di kota Melaka terdiri daripada kawasan seluas 45.3 hektar yang digazetkan sebagai zon harta warisan, manakala 242.8 hektar lagi digazetkan sebagai zon penampungan. Zon harta warisan Melaka sebagai Bandaraya Sejarah dikemukakan kepada pihak UNESCO terdiri daripada dua bahagian yang dipisahkan oleh Sungai Melaka yang juga merupakan sebahagian kawasan bersejarah tertua di Melaka. Justeru, sebelah timur Sungai Melaka merupakan kawasan zon sivik, yang merangkumi peninggalan sejarah Porta de Santiago, Bukit St. Paul, Bangunan Stadthuys, Gereja Christ Melaka dan pelbagai bangunan kolonial yang dibina sejak era kolonial Belanda dan British. Malah, banyak bangunan era kolonial Belanda dan British telah dipulihara dan ditukar menjadi muzium. Sementara itu, di kawasan sebelah barat Sungai Melaka adalah kawasan zon perumahan dan komersial yang terdiri daripada rumah kedai di sepanjang jalan Hang Jebat, Jonker Street, kediaman elit di Jalan Tun Tan Cheng Lock (Hereen Street) dan pelbagai tempat-tempat ibadat yang terletak bersama-sama di Jalan Tokong (Temple Street), Jalan Tukang Emas (Goldsmith Street) dan

---

<sup>12</sup> Rahimah Abdul Aziz (2017). Heritage Conservation: Authenticity And Vulnerability Of Living Heritage Sites In Melaka State, *Kajian Malaysia*, Vol. 35, Supp. 1, 2017, 39–58, BangiUniversiti Kebangsaan Malaysia hlm

<sup>13</sup> Melaka Museums Corporation. (2011-2012). *Malacca Journal of Heritage*, Melaka Melaka Museums Corporation

Jalan Tukang Besi (Blacksmith Street). Secara keseluruhannya, terdapat sekitar 600 hartanah warisan yang terletak di dalam kawasan tersebut, termasuk yang berada di jalan-jalan utama yang lainnya seperti Lorong Hang Jebat, Jalan Hang Kasturi, Jalan Hang Lekiu dan Jalan Hang Lekir.<sup>14</sup>

## **2. Pemuliharaan Warisan Dunia Jepun (Lombong Perak Iwami Ginzan)**

Jepun mempunyai 19 buah warisan yang diiktiraf sebagai warisan dunia. Warisan tersebut terbahagi kepada dua iaitu Warisan Kebudayaan (15 buah) dan Warisan Alam Semula Jadi (4 buah). Antara salah satu warisan dunia tersebut ialah Lombong Perak Iwami Ginzan Iwamiginzan, 石見銀山, yang didaftarkan pada tahun 2007. Lombong perak tersebut terletak di Kota Ohda, Shimane Jepun. Kini, segala kegiatan berkaitan aktiviti perlombongan perak di Lombong Perak Iwami Ginzan telah ditamatkan dan tidak digunakan lagi.

Lombong Perak Iwami Ginzan merupakan sebuah lombong galian perak yang telah dijadikan sebagai kawasan aset pelancongan. Pada awalnya iaitu sekitar awal abad ke 16, kawasan tersebut aktif dengan aktiviti perlombongan. Pada ketika itu, kegiatan perlombongan yang dijalankan di Jepun adalah kurang baik berbanding dengan aktiviti perlombongan yang dilakukan oleh orang Eropah. Namun pada tahun 1533, teknologi perlombongan dari Korea telah diperkenalkan di Jepun, sekaligus pengeluaran galian perak telah meningkat berbanding pengeluaran pada tahun sebelumnya. Hasil galian perak yang telah dilombong tersebut telah dieksport keluar ke Korea dan China. Pengenalan kepada teknologi yang canggih telah menyebabkan jumlah pengeluaran hasil galian meningkat sehingga Lombong Perak Iwami Ginzan menjadi terkenal di seluruh dunia. Malah ketika itu, dunia luar telah menggelar Jepun sebagai “Negara Perak”.

Tambahan lagi, peningkatan pengeluaran hasil galian perak melalui Lombong Perak Iwami Ginzan telah membawa kepada perkembangan aktiviti eksport perak dari Jepun di peringkat pasaran Asia Timur. Berikutan itu, perkembangan aktif kegiatan perdagangan turut melibatkan negara-negara Eropah seperti Sepanyol dan Portugal. Secara tidak langsung, ianya mewujudkan laluan perdagangan yang menghubungkan Asia dan Eropah sekali gus menyebabkan berlakunya pertembungan dan pertukaran budaya. Justeru itu, sekitar abad ke-17, Lombong Perak Iwami Ginzan telah menjadi penyumbang terbesar kepada pendapatan ekonomi negara melalui sumber galian perak. Walaupun perlombongan tersebut dilakukan dalam skala yang tidak besar, namun Lombong Perak Iwami Ginzan telah menjadi sebuah kawasan penting kepada Jepun kerana telah membawa Jepun kepada kegiatan perdagangan antarabangsa yang melibatkan kuasa Asia dan Eropah.<sup>15</sup>

Terdapat dua sebab utama yang telah menyebabkan Lombong Perak Iwami Ginzan telah didaftarkan dan disenaraikan sebagai tapak warisan dunia.<sup>16</sup> Pertamanya, Sumber galian perak yang telah dilombong di Lombong Perak Iwami Ginzan telah menyumbang kepada satu pertiga daripada jumlah keseluruhan pengeluaran perak di seluruh dunia. Tambahan lagi, rekod sejarah mencatatkan terdapat pedagang Eropah ada menyatakan bahawa Iwami merupakan sebuah lombong pengeluaran Perak yang terkenal di Jepun. Hal ini jelas bahawa

---

<sup>14</sup> Ibid

<sup>15</sup> Iwami Ginzan World Heritage Center. (2009). Persatuan Kebangsaan Industri Geological Survey of bahan-bahan kursus 全国地質調査業協会連合会の講座資料

<sup>16</sup> Laman Web UNESCO Iwami Ginzan Silver Mine and its Cultural Landscape <https://whc.unesco.org/en/list/1246> [31 Mac 2019]

Lombong Perak Iwami Ginzan mempunyai peranan penting dalam kegiatan perlombongan Perak di Jepun pada suatu ketika dulu.<sup>17</sup> Keduanya, Kegiatan perlombongan galian perak yang aktif di Lombong Perak Iwami Ginzan telah menyebabkan banyak pokok ditebang untuk tujuan perlombongan. Justeru, demi memulihara dan memelihara warisan alam di sekitar lombong tersebut, usaha penanaman semula pokok telah digiatkan semula bagi memastikan nilai estetika alam tetap terjaga seiring dengan nilai warisan sejarah perlombongan di kawasan tersebut.<sup>18</sup>

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 1. Usaha Kerajaan Dalam Pemuliharaan Rumah Penghulu Abdul Ghani Bin Abdul Majid

Bandar Jasin terletak kira-kira 25 kilometer di sebelah timur Bandaraya Melaka. Jasin merupakan bandar ketiga terpenting di Melaka selepas Alor Gajah. Aktiviti ekonominya tertumpu di bidang perdagangan dan pertanian ladang. Malah, pusat bandar Jasin terletak di tengah-tengah kawasan pertanian yang luas.

Penduduk berketurunan Cina merupakan antara penduduk awal yang meneroka kawasan Jasin. Mereka merupakan sebahagian daripada pekerja lombong yang bekerja di sekitar Kesang yang menetap di Jasin. Pada tahun 1860, bandar Jasin berkembang apabila wujudnya aktiviti perdagangan oleh peniaga Cina yang mengeksport ubi kayu dan gambir melalui Pelabuhan Melaka. Seterusnya bandar ini dibangunkan oleh pedagang Cina yang menetap di sini pada sekitar tahun 1920-an. Pembangunan Bandar Jasin dapat dilihat melalui perkembangan pembinaan bangunan rumah kedai di dalam kawasan bandar dan sekitarnya. Bandar Jasin berkembang melalui pembinaan deretan rumah kedai di Jalan Kesang pada tahun 1926. Seterusnya, bangunan rumah kedai baru dibina semula di persimpangan Jalan Besar dan Jalan Chin-Chin untuk menggantikan deretan rumah kedai lama yang terletak di Jalan Besar yang musnah akibat kebakaran.

Rumah Penghulu Abdul Ghani Bin Abdul Majid<sup>19</sup> di Merlimau, Daerah Jasin, Melaka merupakan antara rumah tradisional Melaka tertua yang masih berdiri teguh selain menjadi antara rumah tradisional Melayu yang tercantik di Malaysia. Rumah tersebut mempunyai seni bina yang sangat unik dengan gabungan gaya seni bina Melayu, Cina dan Eropah. Skala rumah ini adalah jauh lebih besar dari ukuran lazim bagi sesebuah rumah tradisional Melaka. Rumah ini juga pernah didiami oleh seorang ketua masyarakat setempat yang menjawat jawatan Demang atau Ketua Penghulu iaitu Penghulu Abdul Ghani bin Abdul Majid dan anaknya Penghulu Natar bin Abdul Ghani. Segala peralatan dan perabot gaya Eropah seperti meja, almari, kerusi dan katil yang diguna pakai di dalam rumah ini adalah berbeza dengan cara tradisional Melayu seperti kebiasaannya yang hanya duduk bersila.

Justeru, bagi menyelamatkan khazanah Malaysia yang tidak ternilai ini, Jabatan Warisan Negara telah melaksanakan kerja-kerja baik pulih pada keseluruhan bangunan. Kerja-kerja tersebut adalah termasuk membaik pulih dan memperkukuhkan struktur tembok

---

<sup>17</sup> Tadashi Nakamura 中村 唯史. (2008). Alam melahirkan lombong perak dan Orang itu menggali sebuah lombong perak 銀山を生んだ自然・銀山を掘った人 県民大学資料, Muzium Alam Sanbe Wilayah Shimane 島根県立三瓶自然館 hlm. 2-5.

<sup>18</sup> Ibid hlm. 7.

<sup>19</sup>Laman Web Rasmi Jabatan Warisan Negara <http://www.heritage.gov.my/index.php/en/conservation/conservation-building/residential-buildings/rumah-penghulu-abdul-ghani-merlimau-melaka> [31 Mac 2019]



dinding dan tiang konkrit yang rosak, mengikis dan mengecat semula, menanggalkan dan memasang jubin seramik, merobohkan dinding tambahan, membaik pulih struktur kerangka dan kemas bumbung serta kerja-kerja berkaitan seperti membaik pulih pelamin, kabinet dinding, tempat memasak, kabinet dapur, kolah bilik air serta tiang dan pelbagai motif ukiran. Usaha tersebut penting bagi mengekalkan warisan peninggalan nenek moyang untuk generasi akan datang.

Gambar1: Rumah Penghulu Abdul Ghani<sup>20</sup>



## **2. Usaha Kejaraan-swasta Jepun Dalam Pemuliharaan dan Penggunaan Lombong Perak Iwami Ginzan**

Penduduk yang tinggal di sekitar kawasan Lombong Perak Iwami Ginzan telah menyedari akan kepentingan dan kewujudan nilai sejarah dan budaya yang terdapat pada lombong tersebut. Justeru itu, mereka telah memulakan langkah dalam pemuliharaan warisan di Iwami Ginzan. *Toshihisa Yamane*,<sup>21</sup> 山根 俊久 yang juga merupakan seorang tenaga pengajar di sebuah sekolah tinggi di Jepun telah menyedari bahawa Lombong Perak Iwami Ginzan mempunyai nilai sejarah yang perlu dipelihara oleh masyarakat Jepun. Pada tahun 1932, beliau telah menerbitkan sebuah penulisan yang bertajuk "Penyelidikan Lombong Perak Iwami Ginzan". Hasil daripada penyelidikan tersebut telah membuka mata masyarakat untuk memulihara dan memelihara Lombong Perak Iwami Ginzan. Usaha dalam memulihara Lombong Perak Iwami Ginzan telah diteruskan pada tahun 1957 oleh penduduk kampung Omori-machi, Kota Ohda. Mereka telah mengasaskan Persatuan Warisan Budaya Pemuliharaan Omori-machi bagi tujuan pemuliharaan Lombong Perak Iwami Ginzan. Seterusnya pada tahun 1969, Lombong Perak Iwami Ginzan telah berjaya didaftarkan sebagai Warisan Kebudayaan Jepun.

Pada tahun 2001, Lombong Perak Iwami Ginzan telah tersenarai dalam pemilihan sebagai tapak Warisan Dunia UNESCO. Urusan pentadbiran yang berkaitan dengan Lombong Perak Iwami Ginzan telah diperkukuhkan lagi agar menjadi realistik seterusnya terpilih sebagai tapak warisan dunia. Justeru, dalam usaha untuk menjadikan Lombong Perak Iwami Ginzan sebagai tapak warisan dunia, pihak yang terlibat turut memulihara kawasan bandar sekitar, lebuh raya dan pelabuhan yang berhampiran dengan lombong tersebut. Hal ini

---

<sup>20</sup>Laman Web Rasmi Jabatan Warisan Negara Gambar Rumah Penghulu Abdul Ghani <http://www.heritage.gov.my/index.php/en/conservation/conservation-building/residential-buildings/rumah-penghulu-abdul-ghani-merlimau-melaka> [31 Mac 2019]

<sup>21</sup> Iwami Ginzan World Heritage Center. (2008). Artikel Bahan-bahan sekolah malam ke-15 第15回 夜学資料

penting kerana dalam masa yang sama Lombong Perak Iwami Ginzan akan dijadikan sebagai tempat tarikan pelancongan utama. Malah, kegiatan dan usaha pemuliharaan ke arah menjadikan Lombong Perak Iwami Ginzan sebagai tapak warisan dunia telah menyebabkan penduduk yang mendiami kawasan sekitar Iwami Ginzan telah diarahkan untuk terlibat secara langsung dalam menyediakan persekitaran mesra pelancongan. Namun demikian, kawasan penempatan berhampiran Lombong Perak Iwami Ginzan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, justeru hal tersebut menyukarkan usaha dan kegiatan bagi menarik masyarakat untuk terlibat bersama dalam kegiatan pelancongan.

Pada tahun 2005, kira-kira 200 individu dari pelbagai pihak dan agensi telah bersama menyertai "Persidangan Kerjasama Lombong Perak Iwami Ginzan". Penyertaan tersebut melibatkan kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta. Seterusnya, dalam persidangan itu juga, para peserta telah berbincang mengenai aspek "Pemuliharaan", "mengambil kesempatan", "penerimaan", "keluar" untuk Lombong Perak Iwami Ginzan. Justeru itu, usaha yang bersepadu perlu dimainkan oleh setiap pihak bagi menjayakan proses pemuliharaan dan pemuliharaan warisan sejarah Lombong Perak Iwami Ginzan tersebut.<sup>22</sup>

Seterusnya, usaha untuk memelihara dan pemuliharaan lombong galian perak tersebut memerlukan dana yang besar dan berterusan untuk kepentingan warisan sejarah lombong itu sendiri. Sebelum ini, kebanyakan penduduk tempatan melakukan usaha pemuliharaan dengan menggunakan dana sendiri tanpa bergantung dari dana kerajaan. Namun disebabkan dana yang terhad, usaha pemuliharaan tersebut tidak mencapai tahap yang terbaik dalam proses pemuliharaan warisan selain sukar mencapai tahap piawaian pemuliharaan warisan. Melalui penubuhan jawatankuasa kerjasama perbadanan Lombong Perak Iwami Ginzan, dana yang diperolehi dapat disalurkan bagi tujuan pemuliharaan warisan lombong. Sebanyak 160 Juta Yen telah diperuntukkan Kerajaan Jepun bagi memantapkan usaha pemuliharaan tersebut. Melalui dana tersebut juga, usaha pemuliharaan lombong tersebut dapat dilakukan dengan balik berdasarkan tahap piawaian pemuliharaan warisan yang telah ditetapkan oleh Akta Pemuliharaan Harta Kebudayaan.<sup>23</sup>

Lombong Perak Iwami Ginzan merupakan sebuah tapak warisan yang mempunyai keluasan kawasan sebesar 526 hektar. Malah, keluasan kawasan lombong yang besar tersebut banyak mendatangkan cabaran dalam mengurus dan mengawal tapak warisan selain kesukaran untuk mengawal kegiatan yang dilakukan oleh penduduk tempatan dan para pelancong. Setelah lombong Iwami Ginzan diwartakan sebagai tapak warisan dunia pada 2007, penduduk tempatan mulai kurang memberi perhatian dan menyalurkan tenaga dalam proses pemuliharaan kawasan lombong tersebut. Hal ini kerana terdapat campur tangan dari pihak kerajaan yang meletakkan garis panduan kepada penduduk dalam kegiatan menjaga kawasan lombong tersebut. Malah penduduk kurang berminat diberi arahan kerana sebelumnya ini mereka menjadikan aktiviti dan kegiatan pemuliharaan tapak warisan sebagai aktiviti riadah. Justeru, hal ini menjadi satu cabaran kepada kerajaan Jepun dalam proses pemuliharaan tapak warisan Iwami Ginzan kerana kurangnya kerjasama menyeluruh dari penduduk tempatan.<sup>24</sup>

---

<sup>22</sup> Kazuo Mouri 毛利 和雄 (2011). Sekaiisan to Chiikisaisei 世界遺産と地域再生—問われるまちづくり, Tokyo, Jepun : Shinsen-sha, 新泉社 hlm. 44-50.


<sup>23</sup> Iwami Ginzan World Heritage Center. (2011). Iwami lombong perak Panduan Kursus Latihan <artikel> 石見銀山ガイド養成講座

<sup>24</sup> Iwami Ginzan World Heritage Center. (2014). Iwami lombong perak Panduan Kursus Latihan <artikel> 石見銀山ガイド養成講座

Gambar2: Bahagian Hadapan Terowang IWAMI<sup>25</sup>



Gambar 3: Bahagian Dalam Terowang IWAMI<sup>26</sup>



## KESIMPULAN

Konsep pemuliharaan aset warisan kebudayaan antara Malaysia dan Jepun adalah berbeza terutamanya terhadap dasar pemuliharaan dan pemeliharaan warisan kebudayaan. Kegiatan pemeliharaan dan pemuliharaan di Melaka dikendalikan secara langsung oleh pihak kerajaan. Manakala, kegiatan pemeliharaan tapak Iwami Ginzan dikendalikan secara bersama oleh pihak kerajaan dengan sektor swasta. Terkini, sistem pemuliharaan secara langsung terhadap warisan kebudayaan masih belum dilaksanakan di Malaysia, berbanding dengan sistem pentadbiran dan pembiayaan kepada sektor perniagaan. Malah, perhatian terhadap pemuliharaan harta benda kebudayaan di Jepun lebih banyak dijalankan berbanding dengan Malaysia. Justeru, kemungkinan adanya kekangan yang menyebabkan kurangnya perhatian terhadap usaha pemuliharaan dan pemeliharaan warisan kebudayaan.

Jepun mempunyai warisan kebudayaan yang lebih banyak berbanding dengan Malaysia. Malah, kesan kemasukan budaya Barat di Jepun telah menyebabkan setiap masyarakat menyedari akan pentingnya untuk mengekalkan budaya tradisi Jepun. Justeru itu, Dasar Warisan Jepun yang diperkenalkan lebih menekankan aspek pengekalannya warisan kebudayaan masyarakat Jepun. Kesedaran terhadap pengekalan warisan kebudayaan di Malaysia mula dinilai secara serius sekitar tahun 2005, walaupun terdapat usaha awal untuk memelihara dan memulihara warisan kebudayaan pada tahun-tahun sebelumnya. Melalui kesedaran itu juga, Malaysia berjaya menjadikan warisan kebudayaannya sebagai satu aset tarikan pelancongan terutamanya dalam promosi pelancongan “Tourism Malaysia “ anjuran

<sup>25</sup>Laman Web Iwami Ginzan World Heritage Center <https://ginzan.city.ohda.lg.jp/> [31 Mac 2019]

<sup>26</sup> Ibid

Kementerian Pelancongan & Kebudayaan Malaysia. Namun begitu, warisan di Malaysia tidak banyak diberikan penekanan dan perhatian sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia. Justeru, Kerajaan Malaysia perlu giat mengusahakan keupayaan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan warisan kebudayaan bagi memantapkan industri pelancongan negara sebagaimana peranan mendalam yang mencakupi pelbagai aspek yang dimainkan oleh Kerajaan Jepun dalam kegiatan pelancongan warisan kebudayaan.

## RUJUKAN

- A Ghafar Bin Ahmad. (2011). *Heritage Interpretation in Building Conservation: Lessons from Malaysia*, Melaka Melaka Museums Corporation
- Abdul Aziz Hussin. (2011). *Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia hlm 1-7, 34-38
- Akira Neki 根木昭. (2010). *Bunkaseisakugaku Nyumon 文化政策学入門 Suiyousha 水曜社* hlm 160-177
- Badan Warisan Malaysia. (1990). *The Principles and Techniques of Architectural Conservation*, Proceedings of the 'Heritage Conservation Now!' Seminar & National Workshop on the principles and Techniques of Architectural Conservation, Organised by Badan warisan Malaysia under the auspices of ministry of Works and the kind cooperation of the Melaka State Government
- C.C. Chiam, R. Alias, A.R. Khlid & Y. Rusli. (2011). *Contingent Valuation Method: Valuing Living Heritage in Malacca City*, Melaka, Melaka Museums Corporation
- Graburn N. (1989). "Toursim: The Sacred journey", Smith V.L. 8ed, *Hosts and Guests: The Anthropology of tourism*, Basil Blackwell 2nd Edition
- Hussein Hj. Ahmad. (2001)., *Mandat UNESCO dan Cabaran Globalisasi*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. hlm. 3.
- Iwami Ginzan World Heritage Center. (2008). *Artikel Bahan-bahan sekolah malam ke-15 第15回夜学資料*
- Iwami Ginzan World Heritage Center. (2009). *Persatuan Kebangsaan Industri Geological Survey of bahan-bahan kursus 全国地質調査業協会連合会の講座資料*
- Iwami Ginzan World Heritage Center. (2011). *Iwami lombong perak Panduan Kursus Latihan <artikel> 石見銀山ガイド養成講座*
- Iwami Ginzan World Heritage Center. (2014). *Iwami lombong perak Panduan Kursus Latihan <artikel> 石見銀山ガイド養成講座*
- Kazuo Mouri 毛利 和雄. (2011). *Sekaiisan to Chiikisaisei 世界遺産と地域再生—問われるまちづくり*, Tokyo, Jepun : Shinsen-sha, 新泉社 hlm. 44-80
- Kunihiro Noda 野田邦弘. (2014). *Pembangunan dasar kebudayaan "Bunka-seisaku no Tenkai, 文化政策の展開 アーツマネジメントと創造都市"*, Kyoto Jepun: Gakugeishuppan-sha 学芸出版社
- Lembaga Pendidikan Bandar Ohda 大田市教育委員会. (2014). *Iwami lombong perak Pusat Warisan Dunia -Laporan Tahunan 石見銀山世界遺産センター一年報*, Wilayah Shimane Jepun 2008-2014
- Masahiro Ueno 上野征洋. (2002). *Beri orang yang belajar dasar kebudayaan, Bunakseisaku wo manabu hito no tamen, 文化政策を学ぶ人のために* Tokyo Japan, Sekai Shisou-sha 世界思想社 hlm. 2-22
- Melaka Museums Corporation. (2011-2012). *Malacca Journal of Heritage*, Melaka Melaka Museums Corporation



- Norlida Hanim Mohd Salleh, Abu Hassan Shaari Mohd Noor, Redzuan Othman, Mohd Safar Hasim. (2010). Malaysian Tourism Demand From the Middle East Market: a Preliminary Analysis Penerbitan UKM
- Rahima Abdul Aziz. (2017). Heritage Conservation: Authenticity And Vulnerability Of Living Heritage Sites In Melaka State, *Kajian Malaysia*, Vol. 35, Supp. 1, 2017, 39–58, Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia
- Syed Zainol Abidin Idid. (1995). Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar-Panduan Mengenali Warisan Rupa Bandar Berasaskan Inventori Bangunan Warisan Malaysia, Kuala Lumpur Badan Warisan Malaysia
- Syed Mahadzi. (2009), *Adat Resam dan Makanan Masyarakat Melayu*, EI Publication Sdn Bhd. Kuala Lumpur, hlm. 2.
- Tadashi Nakamura 中村 唯史. (2008). Alam melahirkan lombong perak dan Orang itu menggali sebuah lombong perak 銀山を生んだ自然・銀山を掘った人 県民大学資料, Muzium Alam Sanbe Wilayah Shimane 島根県立三瓶自然館
- Takumi Tanaka 田中 琢/Shuji Eda 江田 修司. (2007). Iwami lombong perak 石見銀山別冊 太陽 Tokyo, Jepun: Heibon-sha, 平凡社
- Tsuneaki Kawamura 川村 恒明, Akira Neki 根木 昭, Katsuhiko Wada 和田 勝彦. (2002). Bunkazaiseisakugairon, Wilayah Kanagawa Jepun, Toukai-daigaku shuppan 東海大学出版
- W. Beasley., (1972). *The Meiji Restoration* Stanford University Press hlm. 6
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, Ab Samad Kechot. (2011). *Jurnal Melayu* (8) 2011:173-188 Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu, Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia hlm.174-178
- Zainal Azman bin Haji Bidin, (1990)., *Taman Negara Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan analisa mengenai kemudahan, pengurusan dan pentadbiran*, Institut Teknologi Mara, Shah Alam, hlm 69.
- Laman Web Rasmi Agensi Hal Ehwal Kebudayaan Bunka-cho, 文化庁 Pangkalan Data Harta Kebudayaan yang Ditetapkan Negar, 国指定文化財等データベース [https://kunishitei.bunka.go.jp/bsys/index\\_pc.html](https://kunishitei.bunka.go.jp/bsys/index_pc.html) [9 November 2015]
- Laman Web Anon Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 [http://www.kpkk.gov.my/akta\\_kpkk/akta%20warisan%20kebangsaan%202005.pdf](http://www.kpkk.gov.my/akta_kpkk/akta%20warisan%20kebangsaan%202005.pdf) [31 Mac 2019]
- Laman Web Rasmi Jabatan Warisan Negara <http://www.heritage.gov.my/index.php/en/conservation/conservation-building/residential-buildings/rumah-penghulu-abdul-ghani-merli-mau-melaka> [31 Mac 2019]
- Laman Web Makmal Warisan Kebangsaan Negara Tokyo Rujukan URL [http://www.tobunken.go.jp/index\\_e.html](http://www.tobunken.go.jp/index_e.html) [9 November 2015]
- Laman Web Makmal Warisan Kebangsaan Negara Nara <http://www.nabunken.go.jp/english/index.html> [9 November 2015]
- Laman Web Agensi Hal Ehwal Kebudayaan Jepun [http://www.bunka.go.jp/tokei\\_hakusho\\_shuppan/shuppanbutsu/bunkazai\\_pamp\\_hlet/pamphlet\\_en.html](http://www.bunka.go.jp/tokei_hakusho_shuppan/shuppanbutsu/bunkazai_pamp_hlet/pamphlet_en.html) [9 November 2015]
- Laman Web Rasmi Iwami Ginzan World Heritage Center <https://ginzan.city.ohda.lg.jp/> [31 Mac 2019]
- Laman Web Muzium Ohda web おおだWEB ミュージアム, <http://sanbesan.web.fc2.com/> [31 Mac 2019]
- Laman Web UNESCO Iwami Ginzan Silver Mine and its Cultural Landscape <https://whc.unesco.org/en/list/1246> [31 Mac 2019]



**MAKLUMAT PENULIS**

**NAOKO SUGIURA**

Calon Sarjana Falsafah di Program Sejarah  
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[atas.9157.natsu@gmail.com](mailto:atas.9157.natsu@gmail.com)

**MOHD BIN SAMSUDIN (Phd)**

Professor Madya di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Pengarah Muzium Warisan Akademik  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[moss@ukm.edu.my](mailto:moss@ukm.edu.my)